

NAFI

1973

JOHORE BAHRU, 25 JAN. (BERNAMA) -- PENERUS FIMA,
DR. MAHADZIR MOHAMED HARI INI MENAFIKAN KONONNYA
ANGGUTA POLIS MENGIRINGINYA UNTUK MENYELESAIKAN PERTIKAIAN
+PEKERJA-PEKERJA+ DI KILANG NENAS, PEKAN NENAS DI
PONTIAN KELMARIN.

+DAKWAAN ITU MEMBERI GAMBARAN BAHAWA SAYA BERASA GENTAR DAN
TERPAKSA MEMBAWA TIGA ORANG ANGGUTA POLIS UNTUK MENEMUI PEKERJA-PEKERJA
KATANYA KETIKA MENJELASKAN LAPURAN DALAM SEBUAH AKHBAR TEMPATAN
HARI INI.

KATANYA, ANGGUTA POLIS YANG KELIHATAN ITU MUNGKIN
MEREKA YANG MENJALANKAN TUGAS BIASA DI LUAR KAWASAN KILANG.

+MEREKA TIDAK LANGSUNG MENGHAMPIRI SAYA,+ KATANYA.

DR. MAHADZIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA PEKERJA-PEKERJA
TIDAK LANGSUNG BERPIKET DI KILANG ITU.

+APA YANG SEBENARNYA BERLAKU IALAH PEKERJA-PEKERJA
MENERGUMUNI SAYA SERENTAK WAKTU MAKAN TENGAHARI UNTUK
MENGADUKAN KESULITAN-KESULITAN MEREKA.

+MEREKA TIDAK MEMPUNYAI SEORANG KETUA. APABILA SAYA
MEMBERI JAMINAN, MASAALAH MEREKA SEDANG DITIMBANGKAN,
MEREKA BERSURAI.

+MEREKA NAMPAKNYA GEMBIRA DAN SAYA JUGA PUAS HATI. SOAL
BERPIKET TIDAK TIMBUL,+ KATANYA. - BERSAMBUNG 1530/AB

NAFI 2 JOHOR BAHRU

101

DR. MAHADZIR MENERANGKAN DI KILANG NENAS YANG KEDUA
DI PULAI SEBATANG, PEKERJA-PEKERJA DI SITU DIBENARKAN
BERDIALOG DENGANNYA.

+DARI PERKARA-PERKARA YANG MEREKA TIMBULKAN, SAYA
FAHAM MASAALAH MEREKA IALAH MASAALAH PERSENDIRIAN,+ KATANYA.

SEMENTARA DI KILANG PERTAMA DI PEKAN NENAS,
PEKERJA-PEKERJA MENGURUMINYA KERANA PIHAK PENGURUSAN
TIDAK DAPAT MENGATUR SATU MAJLIS PERTEMUAN YANG
TERATUR.

+INI IALAH KERANA SAYA MELAKUKAN LAWATAN SINGKAT KE
SINI,+ KATANYA.

KETIKA DITANYA JIKA PIHAK PENGURUSAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH
BAGI MEMENUHI SETENGAH DARI TUNTUTAN PEKERJA-PEKERJA
TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN BAYARAN BEKERJA LEBIH MASA, DR.
MAHADZIR BERKATA:

+PADA HAKIKATNYA, KITA TELAH BERSETUJU DENGAN SOAL
INI BEBERAPA WAKTU LALU,+

APA YANG MENJADI MASAALAH SEKARANG IALAH SOAL PELAKSANAAN.
BELIAU KEBERATAN MENYEBUTKAN BILA INI AKAN
DILAKSANAKAN. - BERNAMA 1554/HS